



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 6, No. 1, 2012

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Pengurusan Ibadat Haji: Kajian Keberkesanan Program Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia Di Tanah Suci Mekah 1430H/1431H

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa &
Tn. Hj. Syed Najihuddin Syed Hassan

Keberkesanan Pengurusan Zakat Secara Korporat: Tinjauan Prestasi Kutipan Zakat Harta Negeri Pahang Tahun 2000-2010

Dr. Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Mohd Azli Abdullah

Isu - Isu Perundangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Dan Zakat Di Malaysia
Norilawati Ismail

Persepsi Amil Dan Asnaf Terhadap Lokalisasi Zakat: Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad

Teori Pemilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960: Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak

Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor & Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah

Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin: Satu Tinjauan Awal
Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader

Pemilikan Dan Persepsi Pusaka Akta Tanah 1960: Kajian Kes Di Felda Lurah Bilut, Bentong Pahang
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah & Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor

Bantuan Modal Zakat Dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Isu Penentuan Jumlah Modal Optimum
Sanep Ahmad, Aniza Hussin & Rosbi Abd. Rahman

Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System)

Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh
Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful W. Mohd Sidik

Jurnal

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2012

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan Jurnal ini dalam apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Skop

Jurnal Pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ianya adalah jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai prinsip dan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasil kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai '*applied*' yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahbaikan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR mahupun Kerajaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-88837400 Faks: 603-88837509

Dicetak oleh:

Berkat Ikhlas Trading

No.14, Jalan 1/4

43650 Bandar Baru Bangi

SELANGOR

Tel: 603-89253375 Faks: 603-89253375

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Pengarah

iii

1. **Pengurusan Ibadat Haji: Kajian Keberkesanan Program Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia Di Tanah Suci Mekah 1430/1431H**
Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa & Tn. Hj. Syed Najihiddin Syed Hassan
2. **Keberkesanan Pengurusan Zakat Secara Korporat: Tinjauan Prestasi Kutipan Zakat Harta Negeri Pahang Tahun 2000-2010**
Dr. Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Mohd Azli Abdullah
3. **Isu-isu Perundangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Dan Zakat Di Malaysia**
Norilawati Ismail
4. **Persepsi Amil Dan Asnaf Terhadap Lokalisasi Zakat: Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad
5. **Teori Pemilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960: Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak**
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor & Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah
6. **Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin: Satu Tinjauan Awal**
Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader
7. **Pemilikan Dan Persepsi Pusaka Akta Tanah 1960: Kajian Kes Di Felda Lurah Bilut, Bentong Pahang**
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah & Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor
8. **Bantuan Modal Zakat Dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Isu Penentuan Jumlah Modal Optimum**
Sanep Ahmad, Aniza Hussin & Rosbi Abd. Rahman
9. **Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (*Geographic Information System*)**
Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh, Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful Mohd Sidik

PERSEPSI AMIL DAN ASNAF TERHADAP LOKALISASI ZAKAT: KAJIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR¹

Oleh:

Hairunnizam Wahid²

Radiah Abdul Kader³

Sanep Ahmad⁴

ABSTRAK

Kajian ini adalah rentetan daripada cadangan kajian Muhammad Syukri (2006) yang telah mencadangkan satu kaedah lokalisasi zakat (localization of zakat) di Malaysia. Kaedah ini dapat dipraktikkan dengan melokalisasikan pungutan dan pengagihan zakat oleh amil di peringkat mukim di kawasan itu sendiri. Kaedah ini sebenarnya melibatkan proses desentralisasi kuasa mengagih dan memungut zakat dilakukan oleh amil dan kakitangan di peringkat tempatan atau mukim kepada asnaf di peringkat mukim. Sejauh manakah cadangan ini dapat dipraktikkan adalah bergantung pada persepsi asnaf sebagai penerima akhir perkhidmatan zakat (end user) dan amil sebagai pelaksana perkhidmatan zakat (implementer) yang merupakan antara agen utama atau tunjang (grassroots) dalam sistem zakat. Satu kajian awal melibatkan responden asnaf dan amil telah dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju dengan pelaksanaan kaedah ini. Kajian ini juga mendapati institusi masjid adalah institusi yang penting dan dijadikan satu bentuk institusi cawangan zakat diperingkat mukim untuk memastikan idea pelaksanaan kaedah ini dapat berjalan dengan cekap dan efisien. Perlu difahami bahawa cadangan kaedah ini bertujuan untuk penambahbaikan sistem pengurusan zakat terutamanya dalam meningkatkan kecekapan pengagihan zakat di Malaysia secara amnya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya. Beberapa implikasi dan cadangan telah dibincangkan dalam kajian ini.

Perkataan Teras : Lokalisasi Zakat, Peringkat Mukim, Amil, Pengagihan Zakat

Klasifikasi JEL : G28, H83, Z12

¹ Merupakan kajian rintis Penyelidikan di bawah geran UKM-GUP-JKKBG-08-03-009.

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM. Calon PhD Ekonomi UM.

³ Profesor Madya (PhD) Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM.

⁴ Profesor Madya (PhD) Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM.

PENGENALAN

Zakat secara literalnya diambil daripada perkataan asas bahasa Arab yang bermaksud penyucian dan berkembang (Mannan 1986). Ia juga membawa konotasi lain seperti *pertambahan*, *kebajikan* dan juga *memberi*. Perkataan zakat banyak dinyatakan dalam Al-Quran bersama perkataan lain seperti *sadaqat* dan *solat* yang juga merupakan konotasi yang membawa maksud memberi atau kebajikan. Walaupun zakat merupakan antara sumber kewangan Islam dan instrumen dasar fiskal yang penting, namun sebenarnya ia membawa maksud lebih besar lagi. Zakat sebenarnya meliputi aspek moral, sosial, ekonomi dan sebagainya. Dalam aspek ekonomi, zakat sebenarnya menghalang pengumpulan kekayaan di dalam tangan golongan tertentu atau kumpulan tertentu. Ia dapat dilaksanakan dengan menetapkan sejumlah sumbangan harta yang diwajibkan disalurkan kepada pihak Kerajaan (*state*) (Mannan 1986). Tambahan lagi menurut Chapra (1992), zakat dikenal pasti sebagai bantuan daripada masyarakat Islam kepada golongan fakir dan miskin untuk membasmi kesengsaraan dan kemiskinan. Oleh itu, pihak Kerajaan perlu melaksanakan zakat sebagai satu instrumen penting untuk memenuhi keperluan asas penduduk dalam ekonomi Islam di samping satu instrumen penting dalam dasar fiskal (Ziauddin Ahmad 1991; Chapra 2000).

Penjelasan zakat di dalam Al-Quran sebenarnya tidak menghuraikan dengan jelas aspek kutipan zakat tetapi ia telah dijelaskan dengan sejelas-jelasnya di dalam As-Sunah. Namun dalam aspek pengagihan zakat, Al-Quran telah memberi panduan yang jelas untuk dilaksanakan. Al-Quran telah memberi penerangan yang jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat berdasarkan ayat tersebut yang memperincikan arahan. Ini disebabkan kemungkinan berlaku penyelewengan dan penggunaan hawa nafsu dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan memungut zakat. Pendapat ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar dipikul oleh institusi zakat (Qardawi 1999; Mahmood Zuhdi 2003). Pada surah *At-Taubah* ayat 60, Allah S.W.T. telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firman-Nya yang bermaksud:

"Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

(Surah 9: Ayat 60)

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *Al-Fuqara'* (orang fakir), *Al-Masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *Al-Riqab* (hamba), *Al-Gharimin* (orang yang memiliki hutang), *Fi-Sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah S.W.T.) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Ayat Al-Quran Surah 9, ayat 60 juga menunjukkan pengagihan zakat amat penting memandangkan penegasan dan penjelasan yang nyata dalam pengagihan zakat. Namun begitu terdapat beberapa kajian mendapati pengagihan zakat masih lagi kurang meyakinkan. Namun begitu keadaan yang sama juga berlaku dalam sistem percukaian yang dianggap efisien dalam mengutip cukai tetapi kurang efisien dalam membelanja dan mengagihkan cukai (Qardawi 1999; h.341). Jika pengagihan zakat masih menjadi isu perbincangan utama oleh masyarakat Islam terhadap institusi zakat, persoalannya bagaimanakah masalah pengagihan zakat dapat diatasi dan diperbaiki?

Jika dilihat daripada sejarah pada zaman Rasulullah S.A.W., kutipan dan pengagihan zakat secara prinsipnya dilaksanakan dalam lokalti yang sama, bermaksud zakat dikutip dan diagihkan juga di kawasan yang sama dan tiada lebih zakat dibawa kepada Kerajaan pusat. Menurut Khaf (1999; h.17), tiada fakta atau laporan menunjukkan lebih dana atau zakat diagihkan ke kawasan yang lain ketika zaman Rasulullah S.A.W. Pada zaman tersebut, Rasulullah S.A.W. sebagai ketua negara di Madinah yang pada ketika itu merupakan satu Kerajaan yang kecil telah menggunakan khidmat amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Malah pada ketika itu, terdapat ramai tenaga manusia (*manpower*) bersifat sukarela berkhidmat dan sumbangan

kewangan oleh masyarakat adalah sangat baik kerana masyarakat Islam pada ketika itu sangat tinggi kepercayaan dan keimanannya. Ini menjadikan sistem zakat pada zaman tersebut sangat berjaya dan berkesan (Khaf 1999; h.4).

Pengajaran penting dalam peristiwa ini memberikan beberapa implikasi penting. Pertama, kewujudan satu bentuk institusi zakat iaitu Kerajaan Islam yang mengutip dan mengagihkan zakat. Institusi zakat atau baitulmal yang diwujudkan oleh Kerajaan mempunyai kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Majoriti para *fuqaha'* berpendapat pembayaran zakat perlu dilakukan kepada baitulmal kerana beberapa alasan termasuklah peranan baitulmal yang mampu dan berupaya mengagihkan zakat dengan lebih berkesan kepada asnaf zakat seperti dinyatakan dalam Al-Quran. Perkara kedua yang penting daripada peristiwa tersebut ialah konsep lokalisasi atau lokaliti yang telah dilaksanakan pada zaman tersebut. Hasil Kerajaan telah dibelanjakan dan diagihkan secara cekap dan efisien dalam sistem zakat dan juga percukaian. Walaupun pada ketika itu, Kerajaan Islam adalah kecil, namun didapati zakat contohnya bukan sahaja telah diagihkan dengan cekap malah ia telah diagihkan dengan cepat dan pantas selepas zakat dikutip. Khaf (1999) telah menyatakan pada zaman tersebut, ramai amil setelah kembali daripada misi mengutip zakat pulang dengan *tangan kosong* iaitu bermaksud tiada lebihan zakat dibawa pulang kerana mereka telah mengagihkan zakat tersebut pada masa itu juga (*on the spot*) selepas mengutip zakat. Keadaan ini menunjukkan keperluan menerima zakat oleh asnaf adalah mengikut saiz jumlah zakat yang dikutip dan hanya sedikit jika ada disimpan di baitulmal untuk tujuan pengawasan masa hadapan. Rumusannya, institusi zakat adalah penting dalam mengutip dan mengagihkan zakat dan pelaksanaan lokalisasi dalam pengurusan zakat pada zaman Rasulullah S.A.W.

Adakah konsep lokalisasi perlu dilaksanakan pada masa kini untuk penambahbaikan lagi sistem pengurusan zakat? Muhammad Syukri (2006) contohnya telah mencadangkan satu cadangan teoretis lokalisasi zakat dilaksanakan di Malaysia. Ini berikutan kewujudan masalah yang dikatakan belum selesai oleh institusi zakat dalam mengagihkan zakat. Hujah beliau adalah berdasarkan fenomena jumlah lebihan zakat

yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia (Muhammad Syukri 2006; h.215; Hairunnizam et al, 2010; h.151). Menurut Muhammad Syukri (2006), kewujudan fenomena ini antaranya adalah wujudnya jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan asnaf. Pihak pengurusan zakat dikatakan tidak dapat mengenal pasti asnaf secara tepat terutamanya fakir dan miskin. Ini adalah kerana terlalu luasnya kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu pusat pengurusan zakat. Semakin besar kawasan dipertanggungjawabkan, semakin luaslah jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan pembayar zakat. Fenomena ini menjadi semakin bermasalah sekiranya pengurusan zakat sendiri diurus secara berpusat (*centralization*) (Muhammad Syukri 2006; h.219).

Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, cadangan terhadap kaedah lokalisasi zakat ini boleh dilandaskan kepada hujah dan nas-nas yang telah dikemukakan oleh Qardawi (1996). Menurut Qardawi (1996: h.798-802), Islam memerintahkan para penguasa membahagikan zakat ke daerah mana zakat itu dipungut, khususnya bagi zakat ternakan, tanam-tanaman dan buah-buahan. Menurut beliau lagi, para ulama juga bersepakat bahawa zakat fitrah juga mesti dibahagikan di tempat orang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah itu berada. Ulama hanya berbeza pendapat tentang mata wang, sama ada zakat dibahagikan di tempat harta itu atau di tempat beradanya pemilik. Beliau menambah lagi, menurut Qardawi (1996), pendapat paling masyhur yang diikuti kebanyakan ulama ialah bahawa zakat itu mengikuti harta, bukan mengikuti pemilik. Beliau menghuraikan dalilnya seperti berikut:

Ketika Rasul S.A.W. menugaskan petugas dan pengurus zakat pergi ke negara-negara dan ke daerah-daerah untuk mengumpulkan zakat, maka ia (Baginda) memerintahkan mereka untuk mengambil zakat dari orang kaya suatu negara, untuk kemudian diberikan kepada mereka yang fakir. Telah berlalu kepada kita hadis Mu'az yang telah disepakati kesahihannya, bahawa Nabi S.A.W. telah mengutusnyanya ke Yaman dan memerintahkannya untuk mengambil zakat dari orang kaya Yaman untuk diberikan kepada orang fakirnya. Demikian pula Mu'az melaksanakan

wasiat Nabi itu. Ia membagikan zakat penduduk Yaman pada mustahiknya dari kalangan mereka, bahkan ia membagikan zakat tiap daerah pada orang daerah tersebut yang memerlukannya saja. Ia menulis sebuah surat kepada mereka: Barangsiapa yang pindah dari daerah keluarganya, di mana terdapat tanah dan hartanya, maka sedekahnya dan sepersepuluhnya itu adalah daerah keluarganya itu.

Menurut Muhammad Syukri (2006), penyelesaian kepada masalah ini ialah mengecilkan kawasan tanggungjawab dan mengendurkan pemusatan tersebut dan ia dinamakan kaedah lokalisasi zakat (*localization of zakat*). Kaedah ini melibatkan proses desentralisasi kuasa di mana pusat pengurusan zakat perlu mengagihkan kuasa memungut dan mengagih zakat kepada kakitangan di lokaliti tempatan seperti daerah, mukim kampung atau kariah. Kaedah ini dijangka akan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan zakat di lokaliti tersebut. Persoalannya, sejauh manakah kaedah ini dapat diterima oleh amil sebagai pelaksana dan asnaf sebagai penerima perkhidmatan zakat? Adakah wujud perbezaan pendapat antara kedua-dua kumpulan ini? Bahagian seterusnya akan membincang dan menghuraikan jawapan kepada persoalan tersebut.

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat sebelum ini banyak menumpukan kepada aspek kutipan zakat iaitu apakah kaedah dan strategi meningkatkan kutipan zakat. Antara cadangan yang telah dicadangkan ialah meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali et al. 2004), meningkatkan kesedaran membayar zakat ke atas harta (Hairunnizam et al. 2005), meningkatkan prestasi kutipan zakat oleh institusi zakat melalui proses pengkorporatan institusi (Nor Ghani et al. 2001; Sanep dan Hairunnizam 2005a; Sanep et al. 2006), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang diikhtilaf (Sanep dan Hairunnizam, 2005b; dan Sanep dan Hairunnizam 2005c) dan juga meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam et al. 2007). Kajian-kajian tersebut antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran membayar zakat

yang akhirnya menyebabkan jumlah kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatan jumlah ini meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf zakat. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin akan meningkat dan ini akhirnya akan memberi kesan positif kepada asnaf zakat dalam aspek ekonomi seperti peningkatan jumlah bantuan dan jenis bantuan zakat, peningkatan jenis dan jumlah bantuan modal kepada asnaf yang memungkinkan mengeluarkan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dari belenggu kemiskinan (Chapra 1992) atau sekurang-kurangnya secara relatif dapat meningkatkan kualiti hidup asnaf (Hairunnizam et al. 2004).

Amat membanggakan situasi semasa menunjukkan jumlah kutipan zakat setiap tahun terus meningkat. Jumlah kutipan zakat telah meningkat menggambarkan strategi kutipan oleh pusat zakat telah menunjukkan satu kejayaan. Oleh itu, mungkin dapat disimpulkan bahawa aspek kutipan zakat bukan lagi menjadi masalah utama kepada pusat zakat. Membayar zakat telah menjadi satu budaya murni yang tersemai di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu, terdapat beberapa kajian semasa yang mendapati permasalahan zakat masa kini adalah melibatkan aspek pengagihan zakat. Kebanyakan masalah pengagihan ini dapat dikesan oleh pembayar zakat yang merupakan antara agen utama dalam sistem zakat. Kajian terhadap pembayar ini menunjukkan mereka masih lagi kurang berpuas hati dalam aspek pengagihan zakat oleh institusi zakat (Mohd Dahan 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006; Hairunnizam et al. 2009; Hairunnizam et al. 2010) termasuklah pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad 2008).

Kajian-kajian ini mendapati sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya, ia akan mewujudkan beberapa isu yang lain seperti membayar zakat kepada asnaf secara tidak formal atau secara langsung dan terus kepada asnaf zakat (Aidit 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006; Hairunnizam et al. 2009). Walaupun bagi sesetengah pendapat *fuqaha'* tindakan ini adalah diharuskan, namun ia akan menimbulkan isu yang lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja dan mengabaikan enam lagi asnaf yang lain disebabkan

masalah kekurangan maklumat. Ini kerana pembayar zakat tiada maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan lagi, pembayaran zakat secara tidak formal akan menyebabkan sistem perekodan jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak akan dinyatakan dalam laporan zakat yang berkemungkinan akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika diambil kira jumlah pembayaran zakat secara tidak formal.

Bagaimanakah strategi dan cadangan untuk mengatasi masalah ini? Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah kaedah lokalisasi zakat untuk mengatasi masalah ini (Abdul Aziz 1993; Khaf 1995; Muhammad Syukri 2006) kerana kebanyakan kajian telah menunjukkan kaedah ini telah dipraktikkan dengan jayanya di zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan semestinya ia mempunyai banyak kelebihan. Kajian ini dapat merumuskan dua aspek utama kelebihan kaedah lokalisasi ini. Pertamanya aspek Islam dan keduanya aspek ekonomi.

Kajian Muhammad Syukri (2006) contohnya merupakan satu cadangan berdasarkan aspek Islam seperti yang telah dipraktikkan pada zaman Rasulullah S.A.W. Beliau telah mencadangkan pelaksanaan kaedah lokalisasi zakat dalam aspek kutipan dan pengagihan di lokaliti berkenaan bersandarkan kepada beberapa hujah seperti yang dinyatakan oleh Qardawi (1996: h.799-801) antaranya:

- i. Dari Abu Juhaifah, ia berkata: *"Telah datang kepada kami petugas zakat Rasulullah S.A.W. kemudian ia mengambil sedekah dari orang kaya kami, dan diberikan pada orang-orang fakir kami. Aku adalah seorang anak yatim, dan petugas itu memberi zakat kepadaku seekor unta".*
- ii. Dari Said b. Musayyib: *"Bahawa Umar telah mengutus Mu'az sebagai petugas zakat pada Banu Kilab atau pada Banu Sa'ad bin Ribyan, ia membahagikannya di kalangan mereka, sehingga tidak tersisa sedikit pun juga, sampai ia datang kembali ke tempatnya semula, di mana ia meninggalkan budaknya".*

- iii. Umar ditanya tentang sedekah yang diambil dari penduduk Arab: *"Bagaimana kita memperlakukannya?" Umar menjawab: "Demi Allah, aku akan kembalikan kepada mereka, sehingga datang dari salah seorang di antara mereka, seratus ekor unta".*
- iv. Dari Imran b. Hushain, semoga Allah meredhainya, ia telah ditugaskan untuk menjadi petugas sedekah dari Ziad b. Abihi atau sebahagian penguasa pada masa Bani Umayyah. Ketika ia pulang, ia ditanya: *"Di mana harta itu?"* Ia menjawab: *"Harta yang kau utus aku untuk mengambilnya. Aku mengambilnya sebagaimana Rasulullah S.A.W. mengambilnya dan aku menempatkannya, di tempat aku mengambilnya".*
- v. Muhammad Yusuf As-Saqafi telah menugaskan Thawus, ahli fikih Yaman sebagai petugas sedekah pada suatu daerah, lalu ia mengambil sedekah dari orang-orang kaya dan memberikannya pada orang-orang fakir. Ketika sudah selesai tugasnya, Muhammad b. Yusuf berkata kepada Thawus: *"Perlihatkan catatanmu."* Ia menjawab: *"Aku tidak mempunyai catatan, kerana aku mengambilnya dari orang kaya, lalu ku berikan kepada orang miskin".*
- vi. Dari Farqad As-Sabkhi, ia berkata: *"Aku membawa zakat hartaku untuk ku bahagikan di Makkah, kemudian aku bertemu dengan Said b. Zubair, lalu ia berkata: Bawa kembali hartamu itu, bahagikanlah di negerimu".*
- vii. Dari Sufyan Ats-Tsauri: *"Bahawa zakat dibawa dari Ray ke Kufah, kemudian Umar bin Abdul Aziz mengembalikannya ke Ray".*

Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, beliau telah merumuskan hujah tersebut seperti berikut:

- i. Semua kaum lebih berhak terhadap sedekahnya, sehingga mereka merasa berkecukupan dengannya.

- ii. Orang tempatan lebih berhak ke atas zakat kerana untuk menghormati ketetanggaan dan kerana dekatnya tempat tinggal mereka dengan tempat tinggal orang-orang kaya.
- iii. Sekiranya petugas tidak mengetahui sehingga ia membawa sedekah ke tempat lain, padahal penduduk asal memerlukannya, maka si penguasa harus mengembalikan kepada mereka, seperti yang dilakukan Umar Abdul Aziz dan sebagaimana difatwakan oleh Said b. Jubair.

Dalam aspek ekonomi pula, perkataan lokalisasi dan desentralisasi sering digunakan dan ia mempunyai maksud yang sama (Shah dan Thompson 2004: h.2). Ini adalah kerana lokalisasi bermaksud desentralisasi dalam membuat keputusan kepada pentadbiran peringkat tempatan dan boleh dicapai melalui desentralisasi politik, pentadbiran dan fiskal (Shah and Thompson 2004). Ini bermaksud dalam konteks kajian ini, proses lokalisasi zakat adalah desentralisasi kuasa dalam membuat keputusan pengurusan zakat kepada peringkat tempatan (lokaliti) terutamanya dalam aspek politik, pentadbiran dan fiskal. Sebenarnya melalui proses desentralisasi, ia akan mengubah struktur pentadbiran dan akauntabiliti daripada peringkat pusat kepada peringkat tempatan dan melangkaui sempadan geografi untuk memudahkan pihak pentadbiran tempatan berinteraksi dengan masyarakat tempatan (Schnider 2003).

Kelebihan pelaksanaan konsep lokalisasi juga banyak dibincangkan dalam aspek ekonomi terutamanya dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sesebuah institusi dan banyak kajian menunjukkan konsep lokalisasi mempunyai banyak kelebihan. Pertamanya, pegawai yang terlibat di peringkat tempatan adalah lebih dipercayai berbanding peringkat negeri. Ini kerana pihak pentadbiran lebih dekat dengan masyarakat setempat serta mendengar keluhan dan pandangan mereka. Pegawai tempatan lebih mudah dihubungi, mempunyai hubungan yang rapat serta mudah dilihat oleh masyarakat setempat (Shah and Thompson 2004). Kesannya pegawai tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya tugas masing-masing

terutamanya memenuhi keperluan masyarakat tempatan (Oates 1972; Khaf 1995a; Faguet 2004). Ini akhirnya akan meningkatkan akauntabiliti dan transparensi dalam pentadbiran (Tugrul dan Shah 2002). Konsep lokalisasi juga akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan pentadbiran. Ini kerana sumber dan kuasa pentadbiran telah dikecilkan ke peringkat tempatan (Faguet 2000; Hankla 2008). Kesannya dalam aspek pengurusan zakat, pengagihan dapat dilakukan dengan segera tanpa kelewatan masa (Nik Mustapha 1991; Khaf 1995a; Mujaini 1995) seperti yang telah berlaku di zaman Rasulullah S.A.W.

Tambahan lagi, sekiranya amil mendapati di kawasan tersebut bahawa kesemua asnaf telah menerima zakat dan wujud lebih zakat di baitulmal, lebih tersebut sepatutnya diagihkan ke kawasan yang mengalami defisit dalam pengagihan zakat (jumlah pengagihan lebih besar berbanding jumlah kutipan) seperti persetujuan oleh kebanyakan ulama' (lihat Qardawi 1999: h.513-517). Jika lebih zakat dapat dipindahkan ke kawasan yang mengalami defisit, ia berkemungkinan dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan dan negeri. Kebanyakan kajian bersetuju desentralisasi kepada pentadbiran tempatan dapat mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan terutamanya di peringkat tempatan (Crook dan Manor 2000; Hankla 2008). Pentadbir tempatan juga dapat meningkatkan kualiti pentadbiran mereka sekiranya mereka dapat mengenal pasti keperluan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan sesuatu barang atau perkhidmatan kerana pentadbiran pusat tidak mampu mengenal pasti sasaran barangan awam tertentu kepada kawasan atau negeri yang berbeza. (Tiebout 1956; Oates 1972; Treisman 2007). Ini disebabkan sosio-budaya yang berbeza antara negeri dan kawasan yang menyebabkan permintaan barangan adalah berbeza.

Oleh itu, dalam aspek pengurusan zakat, amil tempatan lebih mudah mengenal pasti keperluan asnaf di kawasan masing-masing terutamanya keperluan oleh kumpulan fakir dan miskin dan berusaha meningkatkan tahap kehidupan mereka. Amil boleh mengetahui keperluan asnaf sekurang-kurangnya jumlah zakat yang diperlukan. Jumlah bantuan zakat untuk kawasan bandar adalah berbeza dengan luar bandar malahan di

dalam bandar juga. Oleh itu, kemungkinan bantuan zakat adalah tidak sama. Keperluan bantuan bulanan makanan juga tidak sama antara kawasan dan amil tempatanlah yang lebih arif berkenaan asnaf di kawasan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan keperluan meningkatkan tahap ekonomi melalui keusahawanan yang telah dicadangkan oleh pusat zakat. Terdapat kemungkinan kegiatan ekonomi yang berbeza antara satu kawasan dan kawasan yang lain yang memerlukan kepakaran amil menentukan aktiviti ekonomi setempat. Tambahan lagi, amil perlu memantau secara dekat kejayaan asnaf yang telah menerima bantuan modal. Ini memerlukan konsep lokalisasi dilaksanakan dan dipraktikkan di kawasan masing-masing.

Sejarah telah menunjukkan, konsep lokalisasi telah dilaksanakan di Malaysia sebelum zaman kolonial lagi. Muhammad Aziz (1993) contohnya telah menjelaskan, mengikut sejarahnya pengurusan zakat sebelum zaman kolonial, umumnya zakat telah dikutip dan diagihkan di peringkat kampung. Beliau berpendapat, desentralisasi pengurusan zakat adalah tidak bertentangan dengan syariat Islam malahan kaedah ini akan menjaga kepentingan golongan fakir dan miskin serta asnaf yang lain (Abdul Aziz 1993: h.179). Terdapat beberapa kajian lain yang mencadangkan institusi zakat perlu diadakan sehingga di peringkat kampung, di dalam kawasan masyarakat Islam dan institusi masjid juga berperanan menjalankan tanggungjawab menguruskan zakat. Institusi masjid yang dicadangkan adalah masjid berstatus masjid *jami'* yang dapat menghimpunkan ramai masyarakat Islam pada satu-satu masa (Khaf 1995b; Zayas 2003). Jika kaedah lokalisasi dilaksanakan, siapakah yang bertanggungjawab mengutip atau mengagihkan zakat tersebut? Sejarah juga telah menunjukkan pada zaman sebelum kolonial, para ustaz atau imam telah berperanan sebagai amil memandangkan masyarakat Islam amat menghormati dan mempercayai mereka dapat mengagihkan zakat secara adil (Abdul Wahab 1995; Muhammad Aziz 1993). Di negara muslim yang lain seperti Pakistan dan Kuwait, satu jawatankuasa diketuai oleh pemimpin agama diyakini dapat mengagihkan zakat terutamanya golongan fakir dan miskin (Khaf 1995b; Ajeel; 1995). Apabila masyarakat dapat menerima jawatankuasa ini atau kepercayaan kepada ustaz atau imam mengutip dan mengagihkan zakat, maka masyarakat Islam mungkin dapat bekerjasama secara aktif dalam sebarang kegiatan masyarakat

terutamanya membantu masyarakat yang miskin dan membentaras kemiskinan di kampung mereka (Alatas et al. 2003).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan data primer daripada temu bual responden yang terdiri daripada amil dan juga asnaf. Kajian ini hanya bertumpu kepada asnaf fakir dan miskin memandangkan kedua-dua asnaf ini merupakan golongan asnaf yang terbesar menerima bantuan zakat iaitu hampir 40% (lihat Hairunnizam et al. 2010). Kajian ini hanya melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai responden dan ia merupakan satu kajian rintis bagi kajian keseluruhannya di Malaysia. Pusat Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan institusi zakat yang telah mengkorporatkan kutipan zakat manakala bahagian agihan zakat diuruskan oleh Baitulmal. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan dan diterima oleh kajian ini, namun hanya 85 soal selidik telah digunakan untuk dianalisis. Kawasan sampel kajian yang telah dikaji adalah Batu, Cheras dan Bandar Kuala Lumpur. Seramai 32 orang amil termasuk ketua amil kawasan dan seramai 53 orang asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan bulanan telah ditemu bual untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan cadangan konsep lokalisasi.

Hipotesis kajian ini menjangkakan majoriti responden bersetuju perlaksanaan konsep lokalisasi zakat di lokaliti masing-masing berdasarkan nilai min soalan konstruk bagi setiap pemboleh ubah sosial, ekonomi dan politik. Kajian ini juga menjangkakan responden asnaf dan amil bersetuju sepenuhnya tanpa ada perbezaan yang signifikan tahap persetujuan antara kumpulan ini (hipotesis nol- H_0). Ini dapat dilakukan dengan ujian ANOVA melihat perbezaan min antara kumpulan asnaf dan amil. Jika nilai $p < 0.05$, maka boleh ditolak hipotesis nol (H_0) dan menerima hipotesis alternatif (H_a) bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan ini dan sebaliknya.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati tahap kebolehppercayaan soalan adalah baik. Nilai alpha Cronbach bagi skala keseluruhan adalah 0.934 menunjukkan tahap kebolehppercayaan soalan adalah amat baik. Oleh itu, hasil kajian ini adalah sesuai untuk dibincangkan dan dianalisis dengan lebih lanjut. Dalam aspek profil responden, majoriti responden adalah berumur 36 tahun hingga 45 tahun iaitu merangkumi 32.9% dan hanya 5.9% adalah berumur kurang daripada 25 tahun.

Jadual 1: Umur responden

Tahun	Kekerapan	Peratusan
Kurang 25 tahun	5	5.9
25-35 tahun	18	21.2
36-45 tahun	28	32.9
46-55 tahun	13	15.3
Lebih 56 tahun	21	24.7
Jumlah	85	100.0

Jadual 2 pula menunjukkan tahap pengalaman amil, di mana daripada 32 responden, tahap pengalaman amil adalah hampir seimbang. Sebanyak 34.4% masing-masing amil berpengalaman lebih 10 tahun dan antara 2 tahun hingga 5 tahun, manakala sebanyak 31.2% adalah berpengalaman antara 6 tahun hingga 9 tahun. Ini menunjukkan tahap pengalaman amil yang hampir seimbang di kalangan responden yang memungkinkan respons mereka terhadap pelaksanaan konsep lokalisasi adalah seimbang antara yang amat berpengalaman dan kurang berpengalaman. Malah, hasil kajian ini boleh diyakini kerana kebanyakan amil yang ditemu bual adalah berpengalaman lebih daripada 10 tahun.

Jadual 2: Pengalaman amil

Tahun	Kekerapan	Peratusan
2-5 tahun	11	34.4
6-9 tahun	10	31.2
lebih 10 tahun	11	34.4
Jumlah	32	100.0

Manakala bagi responden asnaf pula, majoriti mereka yang menerima bantuan zakat dalam bentuk kewangan bulanan adalah dalam tempoh antara 3 tahun hingga 5 tahun iaitu sebanyak 49.1% dan hanya 15.1% responden menerima bantuan zakat dalam tempoh 6 tahun hingga 8 tahun (Lihat **Jadual 3**). Ini menunjukkan majoriti responden menerima bantuan zakat melebihi 3 tahun (64.2%) dan pengalaman mereka amat penting untuk menentukan respons mereka terhadap pelaksanaan konsep lokalisasi. Oleh itu, hasil kajian ini adalah sesuai untuk dikaji dan di analisis.

Jadual 3: Tempoh masa asnaf menerima zakat

Tahun	Kekerapan	Peratusan
kurang 3 tahun	19	35.8
3-5 tahun	26	49.1
6-8 tahun	8	15.1
Jumlah	53	100.0

Dalam aspek jumlah penerimaan bantuan zakat kewangan bulanan pula, majoriti asnaf menerima sejumlah bantuan antara RM701 hingga RM800 iaitu merangkumi seramai 13 orang responden (25.5%), diikuti RM601 hingga RM700 iaitu seramai 12 orang responden (23.5%). Hanya 3.9% responden sahaja menerima bantuan zakat melebihi RM800. Sebenarnya, jumlah bantuan yang diberikan oleh pusat zakat adalah bergantung pada bilangan tanggungan di dalam sesebuah isi rumah atau *had kifayah*. Jika ramai isi rumah yang belum bekerja dan ada kemungkinan ada yang kurang upaya (OKU), maka bantuan zakat yang diterima adalah lebih besar. Namun apa yang pasti,

kajian ini menunjukkan responden asnaf adalah melibatkan kesemua peringkat jumlah bantuan zakat setiap bulan.

Jadual 4: Jumlah Bantuan Zakat Bulanan kepada asnaf

Pendapatan	Kekerapan	Peratusan
RM300-400	8	15.7
RM401-500	5	9.8
RM501-600	11	21.6
RM601-700	12	23.5
RM701-800	13	25.5
Lebih RM800	2	3.9
Jumlah	51	100.0

Jadual 5 pula adalah soalan konstruk yang telah dirangka untuk membina pemboleh ubah sosial yang merupakan kelebihan aspek sosial melaksanakan konsep lokalisasi. Kajian ini menggunakan skala likert nilai 1 hingga 5 bermula kepada persepsi sangat tidak setuju (nilai 1) kepada sangat setuju (Nilai 5). Nilai min untuk kesemua faktor antara kesemua responden telah didapatkan dan didapati nilai min untuk konstruk ini secara puratanya adalah 4.17. Item 10 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.27 iaitu responden bersetuju konsep lokalisasi dapat menyelesaikan masalah asnaf dengan lebih cepat dan pantas. Secara keseluruhannya, ia menunjukkan majoriti responden bersetuju untuk menerima konsep lokalisasi berdasarkan kelebihanannya dalam aspek sosial.

Jadual 5: Soalan konstruk¹ untuk pembolehubah sosial

No.	Item ²	Min
1.	Saya mungkin lebih mengenali asnaf berbanding amil negeri	4.11
2.	Saya mempunyai hubungan rapat dengan asnaf berbanding amil negeri	4.14
3.	Saya lebih dipercayai berbanding amil negeri	4.08
4.	Saya pastikan asnaf tidak malu dan kekok jika memohon zakat melalui saya	4.07
5.	Saya mudah dihubungi dan akan menjimatkan masa permohonan zakat	4.22
6.	Saya akan memantau asnaf lebih kerap berbanding amil negeri	4.25
7.	Saya lebih mengenali orang miskin yang berpotensi layak menerima zakat	4.24
8.	Saya lebih memahami masalah yang dihadapi asnaf berbanding amil negeri	4.14
9.	Saya mudah menggalakkan asnaf turut serta dalam sebarang aktiviti	4.22
10.	Saya akan bertindak lebih cepat menyelesaikan masalah asnaf berbanding amil negeri	4.27
Min Keseluruhan³		4.17

Nota:

¹ Nilai skala adalah: 1: sangat tidak setuju; 2: tidak setuju; 3: sederhana; 4: setuju; 5: sangat setuju

² Item adalah bentuk soalan untuk amil. Bagi soalan untuk asnaf, soalan telah diubahsuai mengikut kefahaman asnaf

³ Min keseluruhan soalan iaitu item 1 hingga item 10.

Manakala untuk aspek ekonomi, kesemua responden bersetuju dengan cadangan pelaksanaan konsep lokalisasi. Jika dilihat dalam item 1, ia memberikan nilai min tertinggi iaitu 4.16. Ia menunjukkan semua responden percaya pelaksanaan konsep ini berkemungkinan dapat meningkatkan keefisienan dan kecekapan pengagihan zakat daripada amil kepada asnaf. Nilai purata min pula adalah 4.12, menunjukkan semua responden memberikan persetujuan untuk cadangan melaksanakan konsep ini.

Jadual 6: Soalan konstruk¹ untuk pembolehubah Ekonomi

No.	Item ²	Min
1.	Saya yakin akan mengagihkan zakat lebih cekap dan efisien	4.16
2.	Saya lebih mudah bekerjasama dengan asnaf dan menggalakkan aktiviti	4.07
3.	Kos permohonan menjadi lebih murah seperti kos pengangkutan dan masa	4.14
4.	Saya lebih kenali potensi ekonomi yang bersesuaian dengan minat dan bakat	4.09
5.	Saya akan mengagihkan zakat dengan cepat berbanding amil negeri	4.12
Min Keseluruhan³		4.12

Nota:

¹ Nilai skala adalah: 1: sangat tidak setuju; 2: tidak setuju; 3: sederhana; 4: setuju; 5: sangat setuju

² Item adalah bentuk soalan untuk amil. Bagi soalan untuk asnaf, soalan telah diubahsuai mengikut kefahaman asnaf

³ Min keseluruhan soalan iaitu item 1 hingga item 5.

Akhirnya untuk pemboleh ubah politik pula, ia dapat dilihat pada **Jadual 7**. Menariknya item 3, iaitu berkenaan birokrasi dalam pengagihan zakat, kesemua responden amat bersetuju konsep lokalisasi berkemungkinan dapat mengurangkan proses birokrasi dan ini memberikan nilai min yang tertinggi iaitu 4.25. Nilai min keseluruhan adalah 4.19 juga menunjukkan kesemua responden memberikan jawapan yang amat baik kepada aspek politik.

Jadual 7: Soalan konstruk¹ untuk pembolehubah Politik

No.	Item ²	Min
1.	Saya lebih disukai jika berurusan dengan asnaf kerana saya adalah di kalangan penduduk tempatan	4.20
2.	Saya akan menjalankan pengagihan zakat dengan telus dan jujur	4.21
3.	Saya yakin proses birokrasi permohonan zakat dapat dikurangkan	4.25
4.	Saya tidak akan pilih kasih terhadap asnaf berdasarkan kecenderungan	4.08
5.	Saya yakin imej institusi zakat akan meningkat dan akan menarik lebih ramai orang membayar zakat	4.19
Min Keseluruhan³		4.19

Nota:

¹ Nilai skala adalah: 1: sangat tidak setuju; 2: tidak setuju; 3: sederhana; 4: setuju; 5: sangat setuju

² Item adalah bentuk soalan untuk amil. Bagi soalan untuk asnaf, soalan telah diubahsuai mengikut kefahaman asnaf

³ Min keseluruhan soalan iaitu item 1 hingga item 5

Jika diperhatikan **Jadual 5**, **Jadual 6** dan **Jadual 7**, min keseluruhan pemboleh ubah sosial, ekonomi dan politik masing-masing adalah 4.17, 4.12 dan 4.19. Ini menunjukkan secara keseluruhannya, kesemua responden bersetuju perlaksanaan cadangan konsep lokalisasi di kariah atau mukim masing-masing. Ini adalah kerana nilai min keseluruhan adalah bernilai melebihi 4 iaitu melebihi tahap setuju. Namun jika ditanya secara langsung cadangan pelaksanaan lokalisasi, ia dapat dilihat di **Jadual 8**. **Jadual 8** menunjukkan sebanyak 23.5% sangat setuju ia dilaksanakan berbanding 76.5% yang hanya bersetuju cadangan tersebut. Ia menunjukkan implikasi bahawa kesemua responden bersetuju cadangan ini dilaksanakan dan ramai responden amat bersetuju ia dilaksanakan oleh pihak pengurusan zakat.

Jadual 8: Persetujuan Cadangan Konsep Lokalisasi¹

	Kekerapan	Peratusan
setuju	65	76.5
sangat setuju	20	23.5
Jumlah	85	100.0

Nota: ¹ tiada seorang responden pun yang menyatakan tidak setuju.

Jadual 9 menunjukkan jika cadangan konsep ini dilaksanakan, siapa yang perlu dilantik menjadi amil bagi setiap mukim atau kampung? Secara teorinya, amil yang perlu dilantik adalah terdiri di kalangan penduduk tempatan. Berdasarkan jadual tersebut majoriti responden iaitu 50.6% memilih amil penduduk tempatan dan 40% memilih amil pegawai pusat zakat negeri. Perbezaan pendapat ini kemungkinannya disebabkan tahap kepercayaan asnaf dan amil terhadap pelantikan jawatan amil. Amil yang dipercayai adalah amil yang bertauliah dari pusat zakat negeri. Oleh itu, kajian ini berpendapat amil yang perlu dilantik sekiranya cadangan konsep lokalisasi dilaksanakan adalah pegawai pusat zakat negeri yang merupakan penduduk tempatan

yang tinggal satu mukim atau sekampung dengan asnaf zakat. Ini akan memastikan pengagihan zakat menjadi efisien dan cekap serta pemantauan yang berterusan oleh amil terhadap asnaf.

Jadual 9: Cadangan amil mukim perlu dilantik

	Kekerapan	Peratusan
Penduduk tempatan	43	50.6
Pegawai pusat zakat negeri	34	40.0
Lain-lain	8	9.4
Jumlah	85	100.0

Tempat pelaksanaan konsep ini juga tidak kurang pentingnya untuk memastikan kejayaan pelaksanaan konsep lokalisasi. Kajian ini mendapati majoriti responden memilih institusi masjid untuk melaksanakan cadangan konsep ini. Pemilihan ini adalah bertepatan dengan konsep penubuhan masjid itu sendiri yang menyatupadukan umat Islam dan sebagai tempat umat Islam menjalin hubungan persaudaraan dan silaturahim. Sebanyak 84.7% amil dan asnaf inginkan masjid melaksanakan konsep ini berbanding tempat lain seperti dewan orang ramai (4.7%), pejabat rukun tetangga (5.9%) dan pembinaan pejabat khas zakat (4.7%).

Jadual 10: Cadangan tempat perlaksanaan

	Kekerapan	Peratusan
Masjid	72	84.7
Dewan orang ramai	4	4.7
Pejabat rukun tetangga	5	5.9
Pejabat khas zakat	4	4.7
Jumlah	85	100.0

Bahagian seterusnya adalah menganalisis tahap persetujuan antara kumpulan responden yang terdiri daripada amil dan asnaf. **Jadual 11** menunjukkan untuk aspek sosial, nilai min amil adalah 4.19 dan nilai min asnaf adalah 4.16. Ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min kedua-dua kumpulan ini. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan mempunyai pandangan dan tahap persetujuan yang sama terhadap pembolehubah sosial.

Jadual 11: Ujian ANOVA perbezaan min untuk pembolehubah Sosial

	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	Aras Signifikan
Amil	32	4.19	0.187	0.033	0.759¹
Asnaf	53	4.16	0.560	0.077	
Jumlah	85	4.17	0.455	0.049	

Nota: ¹ $F(1,83) = 0.095, p > 0.05$: terima H_0 ; tolak H_a

Jadual 12 pula menunjukkan untuk aspek ekonomi, nilai min amil adalah 4.20 lebih tinggi daripada nilai min asnaf iaitu 4.07. Walaupun terdapat perbezaan yang besar, namun ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min kedua-dua kumpulan ini. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan mempunyai pandangan dan tahap persetujuan yang sama terhadap pemboleh ubah ekonomi.

Jadual 12: Ujian ANOVA perbezaan min untuk pembolehubah Ekonomi

	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	Aras Signifikan
Amil	32	4.20	0.203	0.036	0.171¹
Asnaf	53	4.07	0.516	0.071	
Jumlah	85	4.12	0.429	0.047	

Nota: ¹ $F(1,83) = 1.911, p > 0.05$; terima H_0 ; tolak H_a

Manakala aspek politik pula dapat ditunjukkan pada **Jadual 13**. Nilai min amil adalah 4.25 melebihi nilai min asnaf iaitu 4.15. Bagi Ujian ANOVA pula, ia juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min kedua-dua kumpulan ini dan ini jelas

menunjukkan kedua-dua kumpulan mempunyai pandangan dan tahap persetujuan yang sama terhadap pemboleh ubah politik.

Jadual 13: Ujian ANOVA perbezaan min untuk pemboleh ubah Politik

	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	Aras Signifikan
Amil	32	4.25	0.227	0.040	0.323¹
Asnaf	53	4.15	0.556	0.076	
Jumlah	85	4.19	0.462	0.050	

Nota: ¹ $F(1,83) = 0.990$, $p > 0.05$; terima H_0 ; tolak H_a

Akhirnya **Jadual 14** merumuskan nilai min antara kesemua aspek sosial, ekonomi dan politik. Nilai min amil masih tinggi seperti jadual-jadual sebelumnya iaitu 4.21 lebih tinggi daripada nilai min asnaf iaitu 4.13. Walaupun terdapat perbezaan nilai min, namun ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara nilai min kedua-dua kumpulan ini. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan mempunyai pandangan dan tahap persetujuan yang sama.

Jadual 14: Ujian ANOVA perbezaan min untuk keseluruhan pemboleh ubah

	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	Aras Signifikan
Amil	32	4.21	0.173	0.031	0.422¹
Asnaf	53	4.13	0.503	0.069	
Jumlah	85	4.16	0.411	0.045	

Nota: ¹ $F(1,83) = 0.652$, $p > 0.05$; terima H_0 ; tolak H_a

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini mendapati majoriti responden terutamanya amil amat bersetuju melebihi tahap bersetuju asnaf terhadap pelaksanaan konsep lokalisasi dalam pengurusan zakat. Ini memberikan satu mesej bahawa pihak amil bersetuju untuk melaksanakannya kerana kejayaan konsep ini amat bergantung kepada amil sebagai pelaksana (*the implementer*) dalam sistem zakat. Ini berkemungkinan mereka telah melalui banyak

pengalaman sebagai amil kerana ramai di kalangan amil yang dikaji mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun. Mereka sebenarnya ingin melihat sistem pengurusan zakat terutamanya aspek pengagihan zakat dapat diperbaiki menjadi yang terbaik berbanding sebelumnya. Ini akhirnya akan meningkatkan imej institusi zakat negeri yang akhirnya akan meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat dan mengurangkan pembayaran zakat secara tidak formal. Aspek politik adalah antara aspek yang menguatkan lagi persetujuan konsep lokalisasi zakat terutamanya dalam kalangan amil. Aspek politik yang dimaksudkan termasuklah aspek birokrasi, aspek ketelusan dalam pengagihan zakat serta tiada pilih kasih dalam pengagihan zakat. Sistem borang contohnya perlu diperbaiki lagi menjadi semakin baik termasuklah proses kelulusan dan sebagainya. Kesemua aspek ini perlu diberi perhatian dan diharapkan suatu penambahbaikan dapat dilakukan dengan segera agar sistem zakat di Malaysia menjadi yang terbaik di dunia.

Institusi masjid perlu diperkasakan lagi memandangkan majoriti responden memilih masjid sebagai institusi penting menggerakkan konsep lokaliti ini. Ini bertepatan dengan konsep lokaliti kerana di setiap lokaliti dan kampung terdapat sekurang-kurangnya sebuah masjid. Institusi masjid bukan sahaja perlu berperanan dalam menjalankan aktiviti khusus seperti bersembahyang jemaah, ceramah agama dan sebagainya tetapi juga berperanan dalam aspek ekonomi iaitu dalam sistem zakat. Dalam suatu sistem zakat, institusi zakat utama ialah institusi zakat negeri yang kebanyakannya terletak di ibu negeri, diikuti institusi zakat peringkat daerah dan kini dicadangkan satu pejabat cawangan zakat di masjid terutamanya masjid *jami'*. Masjid *jami'* adalah istilah bagi masjid yang besar yang dilakukan solat Jumaat di dalamnya walaupun saiznya adalah kecil kerana ia mengumpulkan orang ramai pada waktu tertentu (Mokhtar 2003; h.3). Ini akan memudahkan pihak amil bukan sahaja menerima zakat, malah dapat mengenal pasti, menyiasat latar belakang potensi asnaf yang akan memohon dan belum memohon zakat. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan isi rumah miskin dalam kalangan umat Islam di sesuatu kawasan kampung atau mukim dan seterusnya ke peringkat negeri dan negara. Pihak amil juga mudah menghubungi dan memantau asnaf-asnaf yang sedia untuk memastikan mereka bukan sahaja selesai menerima

perkhidmatan zakat malah lebih jauh lagi sedaya upaya mengenal pasti potensi sosial dan ekonomi yang boleh membantu mereka akhirnya berubah sikap menjadi pembayar zakat.

KESIMPULAN

Cadangan konsep lokalisasi zakat oleh Muhammad Syukri (2006) adalah suatu cadangan yang teoretis dan sebarang pelaksanaannya adalah bergantung pada hal perundangan, teknikal, persekitaran dan sub-budaya sesuatu negeri dan mukim tertentu. Walau bagaimanapun, kajian ini telah berjaya mendapatkan satu respons yang positif terhadap cadangan pelaksanaan konsep ini. Walaupun kajian ini merupakan satu gambaran umum penerimaan asnaf dan amil terhadap konsep ini, namun mekanisme pelaksanaannya perlulah diperhalusi dan dibincangkan secara ilmiah. Kumpulan amil adalah penting dalam kajian ini memandangkan merekalah yang akan melaksanakan konsep ini jika ia dilaksanakan. Persetujuan amil menggambarkan mereka amat prihatin dan bersungguh-sungguh ingin meningkatkan tahap kualiti pengurusan institusi zakat. Manakala asnaf pula terutamanya golongan fakir dan miskin bersetuju bukan sahaja inginkan perkhidmatan bantuan zakat yang berkualiti, malah menunjukkan mereka sebenarnya ingin berubah dengan perhatian dan pemantauan amil secara dekat. Kejayaan pelaksanaan konsep ini akan meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan memperkasakan peranan institusi zakat setanding malah melebihi peranan yang dimainkan oleh institusi percukaian di Malaysia. Ini akan meningkat imej Islam di kaca mata masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia dan juga di dunia.

RUJUKAN

Abdul Aziz Muhammad (1993). *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur, Berita Publishing.

Abdul-Wahab, Mohamed et al. (1995). *Malaysia (A Case study of Zakat Management)*, in: El-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*. Jeddah, IRTI/IDB, p. 297-378.

Aidit Ghazali (1989). *Fenomenon Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi: Satu Analisis Empirik*, dalam: Mohd Ali Baharum (eds.) *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran*. Kuala Lumpur, Dunia Press Sdn. Bhd.

Ajeel, Abd Al Qader Dahi (1995). *Kuwait*, in: El-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*. Jeddah, IRTI/ IDB p. 259-295.

Alatas, V.; L. Pritchett and A. Wetterberg (2003). *Voice lessons: Local Government Organizations, Social organizations, and the quality of Local Governance*. Policy Research Working Paper 2981). Washington, The World Bank.

Anuar Muhamad (2008). *Perception Of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case Of Selangor And Kelantan*. **IUM, Unpublished**.

Chapra, M.U. (1992). Islam and the Economic Challenge. Leicester, U.K., The Islamic Foundation.

Chapra, M.U. (2000). The Future of Economics: An Islamic Perspective. Leicester, U.K., The Islamic Foundation.

Crook R. and J. Manor (2000). *Democratic Decentralization* (OECD Working Paper Series No. 11). Washington, The World Bank.

Faguet J.P. (2004). "Does Decentralization Increase Government Responsiveness To Local Needs? Evidence From Bolivia". Journal of Public Economics **88**: 867– 893.

Faguet, J.P. (2000). *Decentralization and Local Government Performance: Improving Public Services Provision in Bolivia*. Revista de Economia del Rosario. **3**(1) 2000.

Gurgur, T. and A. Shah (2002). *Localization and Corruption: Panacea or Pandora's Box?*, In: Ehtisham Ahmad and Vito Tanzi (eds). *Managing Fiscal*. New York, Routledge.

Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor dan Sanep Ahmad (2005). "Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?" International Jurnal of Management Studies **12**(2): 171-189.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor (2004). "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin." The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research. **1**(1): 151-166.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2010). "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia". Jurnal Pengurusan JAWHAR **4**(1): 141-170.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor (2007). "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia". Islamiyyat **29**: 53-70.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009). "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati?" Jurnal Syariah **17**(1): 89-112.

Hankla, C.R (2008). "When is Fiscal Decentralization Good for Governance?" Publius: The Journal of Federalism: 1-19.

Khaf, M. (1995a). Zakat: Unsolved Issues in contemporary Fiqh, in: Sadeq et al. (eds.), Development and Finance in Islam. Kuala Lumpur, Zafar Press Pte. Ltd.

Khaf, M. (1995b). Applied Institutional Models For Zakat Collection and Distribution in Islamic Countries and Communities. In: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications. Jeddah, IRTI/ IDB: 197-228.

Khaf, Monzer (1999). The Performance of The Institution of Zakat in Theory and Practice (Working paper, International Conference on Islamic Economics Towards The 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30 1999).

Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003). Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mannan M.A (1986). Islamic Economics: Theory And Practice. Cambridge, Hodder and Stroughton.

Mohamed Dahan Abdul Latif (1998). Zakat Management And Administration in Malaysia (Kertas kerja Seminar Of Zakat And Taxation), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Mohamed Dahan Abdul Latif (2001). Pendekatan Kepada Cara Pengagihan Dana zakat yang Dinamik Sesuai dengan Suasana Semasa, Dalam: Nik Mustapha Nik Hassan (penyt), Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam, Kuala Lumpur, IKIM.

Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor (2004). "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia". *Islamiyyat* 26(2): 59-68.

Muhammad Syukri Salleh (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis, dalam: Hailani & Abdul Ghafar (penyt), Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mujaini Tarimin (2005). Zakat Menuju Pengurusan Profesional. Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Nik Mustapha Nik Hassan (1991). Zakat in Malaysia: Present and Future Status, in: Sadeq et al. (eds.), Development and Finance in Islam. Kuala Lumpur, Zafar Press Pte. Ltd.

Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001). Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions (Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Oates, W. (1972). Fiscal Federalism. New York, Harcourt, Brace and Jovanovich.

Qardawi Y. (1996). Hukum Zakat-Studi Komparatif Mengenai Status dan Filasafat Zakat Berdasarkan Quran Dan Hadis, (Terj.) Salman Harun et al. Indonesia, Penerbit Litera AntarNusa.

Qardawi, Y. (1999). Fiqh Az-Zakat: A Comparative study. London, Dar Al Taqwa Ltd.

Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005b). "Persepsi dan Faktor Penentu Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf". *Islamiyyat* 27(1):45-65.

Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005c). Kesianaan Berkongsi Kekayaan dan Kebahagiaan: Kajian Kes Bayaran Zakat bagi Harta yang diikhtilaf. Dalam: Abd Hair Awang et al. (penyt), Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Kajang, Pusat Fotokopi Kajang: 373-383.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia". *International Journal of Management Studies* 13(2): 175-196.

Sanep dan Hairunnizam (2005a). "Persepsi Agihan Zakat dan kesannya Terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal". *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39: 53-69.

Schneider A. (2003). Who Gets What from Whom? The Impact of Decentralization on Tax capacity and Pro-Poor Policy (IDS Working Paper 179). Institute of Development Studies, France.

Shah A. and T. Thompson (2004). Implementing Decentralized Local Governance: A Treacherous Road with Potholes, Detours and Road Closures (Policy Research Working Paper 3353). Washington. The World Bank.

Shaik Ali Mohammad Mokhtar (2003). Peranan Masjid dalam Islam, (Terj.). Kuala Lumpur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Tiebout (1956). "A Pure Theory of Local Expenditure". Journal of Political Economy **64**: 416–424.

Treisman (2007). "Political Decentralization And Economic Reform: A Game Theoretical Analysis." American Journal of Political Science **43**(2): 488–517.

Zainal Abidin (2001). Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan. Dalam: Nik Mustapha Nik Hassan (penyt), Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam. Kuala Lumpur, IKIM.

Zayas F.G. (2003). The Law and Institution of Zakat, (Terj.). Kuala Lumpur, The Other Press.

Ziauddin Ahmad (1991). Islam, Poverty and Income Distribution. Leicester, U.K, The Islamic Foundation.



JAWHAR

www.jawhar.gov.my

ISSN 1985-2010



9 771985 201003

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406